

# IBS : URUS TADBIR SYARIAH YANG BAIK PERLU UNTUK PENAMBAHBAIKAN FUNGSI INSTITUSI PENGURUSAN EKONOMI ISLAM IJTIMA'I

Pusat Pengajian Perniagaan Islam

Thu 05/10/2017 9:18 AM

To:UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>;



Assalamualaikum, Salam Sejahtera and Salam 1 Malaysia

Y.Bhg Dato'/Y.Brs Prof./Assoc Prof./Dr./Sir/Madam



**IBS ONLINE** – YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda, Timbalan Presiden (Akademik) Universiti Islam Malaysia (UIM) merangkap Penilai Luar Program BIFB IBS, telah berkongsi idea dan pandangan beliau tentang urus tadbir syariah dalam institusi pengurusan ekonomi Islam menerusi wacana ilmiah yang disampaikan bertajuk 'Urus Tadbir Syariah

dalam Institusi Kewangan Islam Ijtima'i' pada 3 Oktober 2017, anjuran Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS) bertempat di Dewan Kuliah Gugusan 3/2.

Menurutnya, peranan yang dimainkan oleh institusi ekonomi Islam yang berbentuk sosial (ijtima'i) seperti institusi zakat dan waqaf menjadi sangat penting bukan sahaja kerana matlamatnya adalah berlandaskan kehendak syarak, tetapi dana yang digembeleng adalah dalam kuantiti yang besar. Manakala institusi berbentuk komersil (tijari) seperti institusi kewangan Islam yang mempunyai urus tadbir korporat yang baik di mana institusi tersebut diselia oleh pihak berkuasa seperti Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti, pendekatan semak dan imbang seperti itu menyebabkan institusi kewangan Islam berupaya terus berdiri teguh dan utuh.

Institusi pengurusan ekonomi Islam Ijtima'i mempunyai kelebihan dari sudut amalan urus tadbir kerana ianya lebih luas lagi berbanding tijari. Pengurusan institusi pengurusan ekonomi Islam perlu memenuhi kehendak syarak meliputi hukum fiqh muamalat dan juga akhlak institusi pengendali. Oleh itu, menurut YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda, institusi pengurusan ekonomi Islam meliputi urus tadbir syariah serta urus tadbir korporat.

"Dalam konteks urus tadbir syariah seharusnya bukan sahaja ditekankan kepada patuh syariah, tetapi juga patuh akhlak dan juga patuh akidah" ujarinya.

Beliau juga turut menyatakan bahawa institusi pengurusan ekonomi Islam memainkan peranan yang cukup berkesan bagi mengembang dan meluaskan lagi fungsi dan peranan institusi pengurusan ekonomi Islam khususnya dalam pembangunan umat Islam yang buat masa ini masih lagi terkebelakang dalam kedudukan ekonomi. Oleh itu disarankan agar penerapan urus tadbir syariah yang sedia ada dalam institusi pengurusan ekonomi Islam diperkukuhkan lagi bagi memperkasa institusi itu sendiri.

Program tersebut turut dihadiri Dekan IBS iaitu Prof. Dr Asmadi Mohamed Naim bersama barisan Pengurusan Pusat Pengajian IBS, para pensyarah dan juga para pelajar.

Sekian.

=====  
**Islamic Business School (IBS)**  
**UUM College of Business**  
**Tel : 04-928 6659/6660/6661**  
**Faks : 04-928 6653/6730**



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.